



PELANCARAN HARI TANPA TEMBAKAU SEDUNIA 2016 **PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG**

Telah dirasmikan oleh YB Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya, Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia pada hari ini, 27 Ogos 2016(Sabtu).

Turut hadir bersama ke pelancaran ini adalah Dr. Manimaran a/l Krishnan, Ketua Pegawai Eksekutif MySihat dan YBhg. Dato' Dr. Sukumar Mahesan Pengarah Kesihatan Negeri Pulau Pinang.

Kerajaan komited implementasi 'plain packaging' pada kotak rokok - Timbalan Menteri Kesihatan

TELOK BAHANG- Kerajaan berusaha untuk mengimplementasi plain packaging pada kotak rokok bagi menggalakkan rakyat supaya berhenti merokok

Timbalan Menteri Kesihatan, Dato Seri Dr Hilmi Yahaya berkata Kementerian Kesihatan akan memastikan pendekatan komprehensif digunakan dengan penglibatan multi sektor dalam mematuhi peraturan kawalan tembakau.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya semasa menyempurnakan Majlis Pelancaran Sambutan Hari Tanpa Tembakau Sedunia 2016 peringkat negeri Pulau Pinang yang telah diadakan di Taman Negara Pulau Pinang, Teluk Bahang.

Bersempena program tersebut, pelbagai aktiviti telah diadakan seperti senamrobik, explore race, pertandingan mewarna dan melukis poster, pameran, permainan interaktif serta pertandingan pidato.

Turut hadir pada program tersebut ialah Pengarah Kesihatan Negeri Pulau Pinang, Dato' Dr. Sukumar Mahesan dan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (Mysihat), Dr. Manimaran A/L Krishnan Kaundan.

Dijemput En. Saif...
makan...
kedudukan di...
Pulau Pinang

SMOKE
FREE
PENANG



Pelancaran Sambutan

HARI TANPA TEMBAKAU SEDUNIA 2016

PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG

"Get Ready for
Plain Packaging"

**ELAK DARI TERPEDAYA:
Merokok Membahayakan Kesihatan**



Perasmian oleh:
YB Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya
Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia

Pada: 27 Ogos 2016 (Sabtu) Jam: 9.00 pagi

Tempat: Taman Negara Pulau Pinang,
Teluk Bahang

Hari Tanpa Tembakau Sedunia 2016

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (*WHO*) dan rakan seluruh dunia menetapkan tarikh sambutan Hari Tanpa Tembakau Sedunia pada 31 Mei setiap tahun. Sambutan diadakan bagi mengengahkan isu-isu utama berkaitan tabiat merokok dan advokasi untuk penggubalan polisi yang berkesan ke arah mengurangkan pengambilan produk tembakau. Isu-isu ini dijadikan tema sambutan *WHO* untuk menggalakkan Negara di dunia supaya mengadakan sambutan berkenaan.

WHO telah menetapkan tema berikut bagi Sambutan Hari Tanpa Tembakau tahun 2016.

"Get Ready for Plain Packaging"

Namun bagi Malaysia, Sambutan Hari Tanpa Tembakau 2016 Peringkat Kebangsaan akan menggunakan tema:

ELAK DARI TERPEDAYA: Merokok Membahayakan Kesihatan

Matlamat Sambutan Hari Tanpa Tembakau tahun ini adalah untuk memberi kesedaran kepada masyarakat umum bahawa promosi *brand* dan imej komersial yang ditunjukkan oleh syarikat rokok perlu diberhentikan kerana hanya memberi persepsi yang salah dan menyimpang daripada fakta tentang kesan buruk merokok dan asap rokok kepada kesihatan manusia.

"*Plain packaging*" penting dalam usaha mengurangkan tarikan kepada produk tembakau, menguatkuasakan "*plain packaging*" adalah sebagai satu cara untuk mengekang pengiklanan dan promosi, mengurangkan penyimpangan fahaman melalui bentuk pembungkusan dan pelabelan dan meningkatkan keberkesanan amaran kesihatan bergambar.

Objektif Kempen

Mewar-warkan usaha kerajaan ke arah implementasi "*plain packaging*" sebagai sebahagian daripada pendekatan komprehensif melibatkan multisektor dalam kawalan tembakau.

Menggalakkan pembuat undang-undang dan ahli masyarakat mengambil tindakan melobi kerajaan untuk adaptasi "*plain packaging*" kotak rokok dalam usaha mengekang promosi syarikat rokok kepada produk tembakau.







